

14 Para pendaki itu tiba di **bahagian tertinggi** gunung pada jam dua petang tadi..

(_____)

15 Penjahat yang ganas itu telah di masukkan ke dalam **tempat orang salah dikurung**.

(_____)

16 **Wanita yang menggayakan pakaian** itu sangat cantik.

(_____)

17 **Lelaki yang menyertai lakonan filem** itu akan menemui peminatnya pada hari esok.

(_____)

18 Saya **berasa hairan** setelah melihat kemahiran budak yang berusia tiga tahun itu bermain biola.

(_____)

19 Walaupun usianya belum sampai dua puluh tahun, banyak **rambut putih** tunbuh di kepalanya.

(_____)

20 **Orang yang pakar dalam bidang agama** itu akan bersyarah di Stadium Bedok.

(_____)



www.saujana.sg

KEKATA & FRASA 1



OLEH:
MOHAMED NAIM DAUPI

NAMA :

DARJAH :

TARIKH :



Sila klik imej untuk kembali ke laman lembaran kerja

GANTIKAN FRASA BERHURUF TEBAL DENGAN SEPATAH PERKATAAN YANG SESUAI.

01 **Orang yang tinggal berhampiran dengan rumah** saya itu akan menunaikan fardu haji..

(_____)

02 **Tempat untuk menyimpan barang-barang purba** itu ditutup pada setiap hari Jumaat.

(_____)

03 Jika kita **tidak berhati-hati** sewaktu melintas jalan, kita boleh mendapat kemalangan.

(_____)

04 Bunga-bunga yang sudah **kering dan kecut** itu dipetik lalu dibuang..

(_____)

05 Saya tidak memakai baju itu lagi kerana warnanya sudah **turun dan berubah**.

(_____)

06 **Hiasan di kepala** raja itu diperbuat daripada emas dan berlian.

(_____)

02

07 **Orang yang menjadi ketua** kampung itu telah dimasukkan ke hospital akibat diserang semput.

(_____)

08 **Tempat belajar agama Islam** yang terdapat di kampung itu roboh akibat angin kencang.

(_____)

09 **Tempat menanam mayat** di kawasan itu telah dibersihkan.

(_____)

10 **Orang yang menjalankan upacara pernikahan** itu menikahkan tujuh pasangan pengantin setiap minggu.

(_____)

11 **Majlis untuk mengenang keputeraan Nabi Muhammad** akan dilangsungkan di masjid itu.

(_____)

12 Dia **tidak menepati** janjinya untuk bertemu dengan kami.

(_____)

13 **Tempat persandingan pengantin** itu roboh kerana badan kedua-kedua mempelai sangat berat.

(_____)

03

Arahan : Pilih perkataan yang sesuai bagi menggantikan frasa-frasa yang bergaris bawah dalam ayat-ayat di bawah ini.

1. Kebanyakan pesakit yang datang ke Klinik Damai itu mengadu sakit-sakit badan, berasa hendak muntah dan pening kepala.
 1. muak
 2. mabuk
 3. mual
 4. senak
2. "Sampai hati kamu meninggalkan ibu kamu yang telah tua dan uzur pula," kata Mak Long kepada Budin.
 1. kejam
 2. terpaksa
 3. sengaja
 4. tergamak
3. Orang-orang yang berhutang tidak akan berasa senang hati selagi hutang-hutang mereka belum habis dibayar.
 1. langsai
 2. tunai
 3. tebus
 4. ansur
4. Ketika Puan Salmah berdiri menunggu teksi dalam panas terik, tiba-tiba beliau pitam lalu jatuh terbaring.
 1. terbujur
 2. terjelepek
 3. tertiarap
 4. tersungkur
5. Sungguhpun Hari Raya Puasa lagi seminggu, di pasar-pasar sudah ada orang menjual daun kelapa muda.
 1. pucuk
 2. pelepah
 3. umbut
 4. janur

6. Azman membuat kerja tanpa mendapat upah membersihkan kawasan Rumah Orang-orang Tua Woodlands pada masa lapangnya.
 1. dermawan
 2. sukarela
 3. percuma
 4. lembur
7. Pihak kastam tidak dapat mengesan kumpulan yang membawa masuk barang-barang secara haram seperti rokok ke dalam negeri ini.
 1. menyimpan.
 2. menyembunyi
 3. menyeludup
 4. menyorok
8. Sekumpulan penuntut dari sekolah menengah itu akan membuat lawatan sambil belajar di Sentosa.
 1. melancong
 2. menziarah
 3. berpelesenan
 4. berdarmawisata
9. Mariam tidak mahu ibunya mendengar akan perbualannya dengan Babu, dia bercakap perlahan-lahan.
 1. berbual
 2. berbisik
 3. berkomunikasi
 4. bersahaja
10. Supian berasa lega apabila dia mendapat wang bantuan persekolahan dari pihak Mendaki untuk melanjutkan pelajaran di universiti.
 1. pelaburan
 2. biasiswa
 3. derma
 4. saham

- 14 Walaupun telah belajar bersungguh-sungguh, dia masih **belum mendapat hasil daripada usahanya itu.**
(_____)
- 15 Setiap akhir bulan, bapa saya akan mendapat **upah atau bayaran kerana membuat kerja.**
(_____)
- 16 Makanan yang terhidang di atas meja itu **tidak mempunyai rasa** langsung.
(_____)
- 17 Pemerintah hendak mengubahsuai **tempat tinggal raja** yang terletak di Kampung Glam itu.
(_____)
- 18 Pengembara itu duduk sambil **menghilangkan penat** di bawah pokok mangga itu.
(_____)
- 19 Penglihatannya **tidak terang lagi** kerana usianya semakin tua.
(_____)
- 20 Raja yang **tidak mempunyai rasa belas kasihan** itu telah ditentang oleh rakyatnya.
(_____)



www.saujana.sg

KEKATA & FRASA 3




OLEH:
MOHAMED NAIM DAUPI

NAMA :

DARJAH :

TARIKH :



Sila klik imej untuk kembali ke laman lembaran kerja

GANTIKAN FRASA BERHURUF TEBAL DENGAN SEPATAH PERKATAAN YANG SESUAI.

- 01 Semua kebaikan dan kejahatan akan mendapat pembalasan di **alam yang kekal** kelak.
(_____)
- 02 Pengetua telah memberi **peringatan yang tegas** kepada murid-murid yang nakal itu.
(_____)
- 03 Majlis itu turut dihadiri oleh seorang **yang terlibat dalam mengembara di angkasa lepas**.
(_____)
- 04 Makanan yang **tidak boleh dimakan lagi** itu telah dibuang ke dalam tong sampah.
(_____)
- 05 Para peserta seminar dari luar negara telah menginap di **tempat penginapan pengunjug** berbintang lima.
(_____)
- 06 Askar yang **tidak berani menentang musuh** itu telah dihadapkan ke mahkamah tentera.
(_____)

- 07 **Orang yang mengepalai** pasukan bola sepak itu digantung kerana bermain kasar.
(_____)
- 08 **Orang yang mnegetuai solat** itu baru sahaja bersara daripada jawatannya.
(_____)
- 09 Semua jawapan matematiknya **tidak salah** tetapi penerangannya kurang lengkap.
(_____)
- 10 Budak yang **tidak berbudi bahasa** itu telah dimarahi oleh ayahnya.
(_____)
- 11 Orang yang berkepala **tidak berambut** itu ialah pelakon filem yang terkenal.
(_____)
- 12 Sejak dilahirkan, penghafaz Quran itu **tidak dapat melihat**.
(_____)
- 13 Pengurus bank yang **tidak amanah dan tidak jujur** itu telah diberhentikan kerja.
(_____)